

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Pertimbang pesakit tahap satu, dua kuarantin sendiri

Kesesuaian rumah, bilik, tandas jadi kriteria utama

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mempertimbangkan untuk membenarkan pesakit disahkan positif COVID-19 tahap satu dan dua melakukan kuarantin sendiri di rumah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagaimanapun beberapa kriteria perlu diambil kira antaranya menilai kesesuaian rumah, bilik dan bilik air.

"Selain itu, perlu diperhatikan alat penilaian kesihatan dan bagaimana petugas kesihatan dapat memantau individu berkenaan di rumah.

"Kita melihat kemungkinan perkara ini dilaksanakan, namun Kementerian tidak sesekali mengubah dasar bahawa pesakit positif COVID-19 perlu kuarantin di hospital atau di Pusat Kuarantin dan Rawatan Risiko Ren-

dah (PKRC).

"Sebelum ini kita sudah melaksanakan menggunakan Akta 342 Seksyen 11 (3) (C) di mana asrama pekerja digunakan untuk kuarantin ketika kawalan Kluster Teratai," katanya pada sidang media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian memberi jaminan ia mempunyai sumber daya mencukupi, termasuk kapasiti ujian COVID-19 dan katil di hospital untuk mereka yang disahkan positif.

Katanya, kelewatan membawa pesakit ke hospital yang dilaporkan disebabkan jumlah kes yang tinggi.

"Kita masih menerima pesakit, tetapi kelewatan berlaku hanya ketika memindahkan mereka khususnya individu dari rumah ke hospital.

"Mungkin dijangkakan ia mengambil masa satu atau dua hari atau lebih lama untuk dipindahkan ke hospital. Sementara itu, pastikan jaga jarak fizikal dengan ahli keluarga dan pakai pelitup muka.

"Tumpuan utama diberikan kepada kumpulan contohnya pekerja asing di mana jumlahnya sangat ramai," katanya.

Sebanyak 1,594 kes baharu jangkitan COVID-19 dilaporkan semalam

termasuk tiga kes import.

Katanya, pertambahan kes itu menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini sebanyak 106,690 kes.

Katanya, Selangor melaporkan kes harian tertinggi dengan 697 kes baharu atau 43.7 peratus daripada jumlah kes dilaporkan semalam.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 593 kes (85.1 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontrak rapat COVID-19 di lapangan.

"Ini diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 194 kes (12.2 peratus) dan Johor 191 kes (12 peratus).

"Sebanyak 108 kes (6.8 peratus) pula dilaporkan daripada kluster lopak, depot tahanan imigresen dan penjara," katanya.

Beliau berkata, tiga lagi kes kematian disebabkan COVID-19 dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian di negara ini sebanyak 455 kes (0.43 peratus).

Katanya, semua kes kematian itu membabitkan tiga warganegara berusia 62 hingga 90 tahun.

Dalam pada itu, KKM mengenal pasti lima kluster baharu yang dilaporkan di Kuala Lumpur, Perak, Johor, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

semalam dengan empat daripadanya membabitkan kluster tempat kerja.

Katanya, kluster baharu pertama dikenal pasti adalah Kluster Tapak Bina Jalan Gadang iaitu kluster tempat kerja yang membabitkan daerah Lembah Pantai dan Cheras di Kuala Lumpur.

"Kes bagi kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 13 Disember melalui saringan bersasar di sebuah tapak binaan. Sehingga 28 Disember, sejumlah 375 individu telah disaring, dan 13 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kluster kedua, Kluster Menara Sri yang juga kluster tempat kerja membabitkan daerah Cheras, Kepong, Lembah Pantai dan Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta daerah Kerian di Perak.

Katanya, kes indeks bagi kluster itu (iaitu kes ke-99,803) telah dilaporkan positif pada 24 Disember melalui saringan individu bergejala dan 14 kes dikesan positif.

Kluster berikutnya iaitu Kluster Bukit Pasir (kluster tempat kerja) di daerah Muar dan sehingga semalam, sembilan kes telah dikesan positif.



Kita melihat kemungkinan perkara ini dilaksanakan, namun Kementerian tidak sesekali mengubah dasar bahawa pesakit positif COVID-19 perlu kuarantin di hospital atau di Pusat Kuarantin dan Rawatan Risiko Rendah (PKRC).

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

Dr Noor Hisham berkata, kluster keempat iaitu Kluster Pintu Geng pula dikesan di daerah Kota Bharu, Kelantan dan sejumlah 21 kes dikesan positif.

Sementara itu, Kluster Putra 15 (kluster tempat kerja) pula dilaporkan di Putrajaya dengan lapan individu dikesan positif COVID-19.

3,032 katil tambahan di pusat kuarantin MAEPS

Kuala Lumpur: Kapasiti Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini, dipertingkatkan dengan penambahan 3,032 katil, semalam.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon, berkata pertambahan itu menjadikan jumlah katil disediakan di PKRC kini 6,132.

Beliau berkata, kapasiti katil akan terus dipertingkatkan sehingga 10,000 untuk mengikut keperluan semasa.

"Peningkatan kapasiti katil PKRC MAEPS 2.0 fasa dua melalui pembukaan dewan baharu ini diperlukan kerana pertambahan kes positif COVID-19 berterusan," katanya dalam perkongsian di laman Facebook Kementerian, semalam.

Melalui kenyataan sama, beliau berkata penambahan katil itu juga sebagai langkah proaktif Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memastikan kesiapsiagaan hospital sentiasa pada tahap optimum.


Beliau berkata pengwujudan PKRC MAEPS 2.0 diletakkan di bawah kawalan Ketua Komander Wilayah Tengah iaitu Pengarah Kesihatan Negeri Selangor adalah

hasil persetujuan sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan satu kolaborasi yang dipengerusikan bersama oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NAD-MA) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Agensi lain terbahit kolaborasi itu termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan MAEPS.

Peningkatan kapasiti katil PKRC MAEPS 2.0 fasa dua melalui pembukaan dewan baharu ini diperlukan kerana pertambahan kes positif COVID-19.

Dr Rohaizat Yon,
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)



Penambahan katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) MAEPS 2.0 berikutan peningkatan kes positif COVID-19 berterusan.
(Foto FB KKM)

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Georgetown

Polis Pulau Pinang menumpaskan sindiket memproses ubat-ubatan tradisional tidak berdaftar selepas merampas 22 item dan 156,777 botol ubat pelbagai jenama bernilai RM14 juta melalui dua serbuan di sebuah kilang dan premis di Bukit Mertajam dan Butterworth, dekat sini, pada Khamis lalu.

Serbuan pada jam 10 dan 10.30 pagi itu diadakan bersama Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP). Ketua Polis negeri, Datuk Sahabudin Abd Manan berkata, polis pada mulanya mengesyaki terdapat sindiket memproses dadah dijalankan di sebuah kilang di Taman Perindustrian Macang Indah, Bukit Mertajam melalui maklumat awam sebelum ia membawa kepada pembongkaran operasi memproses ubat-ubatan tidak berdaftar.

Beliau berkata, berikutan itu, polis meminta kerjasama pihak JKNPP dan seterusnya melakukan pemeriksaan ke atas ubat-ubatan itu sebelum ia disahkan tidak berdaftar.

"Polis seterusnya merampas 22 jenis item termasuk peralatan untuk menghasilkan produk ubat-ubatan terlarang berkenaan bernilai RM2 juta dan menahan penyewa kilang lelaki warga tempatan yang juga dalang sindiket berusia 50 tahun serta pasangan suami isteri berusia 48 dan 44 tahun yang bekerja di kilang terbabit.

"Melalui siasatan ke atas suspek pertama membawa kepada serbuan kedua di sebuah premis di Taman Kencana Butterworth dan JKNPP merampas 156,777 botol ubat-ubatan bernilai RM12 juta dan polis menahan abang kepada suspek pertama berusia 50 tahun," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang di sini, semalam.

Beliau berkata, kedua-dua serbuan itu menjadikan nilai rampasan keseluruhan produk ubat-ubatan serta pelbagai barangan bernilai RM14 juta.

"Melalui siasatan, sindiket berkenaan mula beroperasi awal tahun ini dan dalang

utama serta abangnya mempunyai rekod lampau berkaitan jenayah dan dadah manakala suami isteri terbabit pula tiada rekod lampau. "Semua suspek kemudian dibebaskan pada hari sama serbuan dibuat sejurus polis selesai mengambil keterangan ke atas mereka," katanya.

“Sindiket berkenaan mula beroperasi awal tahun ini Sahabudin”

Sementara itu, Ketua Cawangan Penguatkuasaan Farmasi JKNPP, Arnie Fadzilah berkata, siasatan ke atas ubat-ubatan tradisional yang dirampas itu didapati mengandungi steroid yang membantu untuk menaikkan berat badan.

"Ia amat berbahaya kerana

boleh merosakkan buah pinggang dan pengguna dinasihatkan supaya berhati-hati apatah lagi produk ubat-ubatan ini didapati banyak dijual di kedai ubat Cina serta platform e-dagang.

"Melalui siasatan, ubat-ubatan dirampas ini turut dijual di pasaran luar negara antaranya Vietnam," katanya.

Kes disiasat mengikut Peraturan 7(1)(a), 30(1) Peraturan-Peraturan

Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952.

GEMPUR KILANG UBAT GEMUK

Sebanyak 22 item dan 156,777 botol ubat tradisional tidak berdaftar pelbagai jenama bernilai RM14 juta dirampas



SAHABUDIN (kiri) bersama Arnie melihat ubat-ubatan yang dirampas di IPK Pulau Pinang, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



1,594 kes jangkitan baharu

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi diikuti Kuala Lumpur dan Johor

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes jangkitan baharu Covid-19 di Malaysia, semalam merekodkan 1,594 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham

Abdullah (*gambar*) berkata, ia menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di negara ini meningkat kepada 106,690 kes dengan kebolehhajatan 20,643 kes.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan 1,181 kes sembuh menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 85,592 kes.

"Daripada jumlah kes baharu, tiga adalah kes import yang mendapat jangkitan

dari luar negara manakala penularan dalam negara pula sebanyak 1,591 kes.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 697 kes (43.7 peratus) di mana daripada jumlah itu, sebanyak 593 kes (85.1 peratus) adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontrak rapat Covid-19," katanya pada sidang media Covid-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes baharu tertinggi

lain diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 194 kes (12.2 peratus) dan Johor sebanyak 191 kes (12 peratus).

"Sebanyak 108 kes (6.8 peratus) pula berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (42 kes), Kluster Bakti (34), Kluster Pagar Siput (6), Kluster Tembok (6), Kluster Penjara Seberang Perai (5),

Kluster Pagar Bentong (5), Kluster Tembok Gajah (4), Kluster Penjara Sandakan (3) dan Kluster Kolang Air (3).

"Sehingga kini, ada 116 kes positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 53 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Katanya, sebanyak tiga kematian dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah 455 kes atau 0.43 peratus di negara ini.

Kenal pasti lima lagi kluster baharu

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti lima lagi kluster baharu Covid-19 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, selain Perak, Johor serta Kelantan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia membabitkan Kluster Tapak Bina Jalan Gadang, Kluster Menara Sri, Kluster Bukit Pasir, Kluster Pintu Geng dan Kluster Putra 15.

Menurutnya, Kluster Tapak Bina Jalan Gadang adalah kluster tempat kerja membabitkan daerah Lembah Pantai dan Cheras di Kuala Lumpur di mana kes positif Covid-19 dilaporkan bermula pada 13 Disember lalu melalui saringan bersasar.

Menurutnya, setakat semalam, 375 individu disaring di mana 13 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster berkenaan.

"Kluster Menara Sri juga berkaitan tempat kerja membabitkan daerah Cheras, Kepong, Lembah Pantai dan Titiwangsa di

Kuala Lumpur serta daerah Kerian di Perak.

"Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-99,803) dilaporkan positif Covid-19 pada 24 Disember lalu melalui saringan individu bergejala.

"Sehingga hari ini (semalam), 51 individu disaring, di mana 14 kes dikesan positif Covid-19," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Bukit Pasir juga berkaitan tempat kerja di daerah Muar, Johor di mana kes indeks (iaitu kes ke-100,103) dilaporkan positif Covid-19 pada 24 Disember lalu melalui saringan individu bergejala.

"Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 14 individu disaring, di mana sembilan kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini.

"Kluster Pintu Geng pula membabitkan daerah Kota Bharu di Kelantan di mana kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-101,557) dilaporkan positif Covid-19 pada 25 Disember lalu melalui saringan individu bergejala," katanya.

Babit kluster Tapak Bina Jalan Gadang, Menara Sri, Bukit Pasir, Pintu Geng dan Putra 15



Penjara Jelebu kena PKPD hingga 10 Januari depan

WARDEN penjara meletakkan papan tanda pemeriksaan di pekarangan pintu utama Penjara Jelebu berikutan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) selama 14 hari bermula semalam hingga 10 Januari tahun depan. Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan PKPD itu meliputi keseluruhan kawasan Penjara Jelebu termasuk kuarters kakitangan. PKPD terbabit dilaksanakan berikutan ujian saringan yang dilakukan ke atas 1,086 individu oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga 22 Disember lalu. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 307 kes positif Covid-19 direkodkan iaitu 305 kes dalam kalangan banduan dan dua membabitkan warden.

Sambung PKPB di Selangor, KL, Sabah hingga 14 Januari

Kuala Lumpur: Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sabah dilanjutkan bermula 1 Januari sehingga 14 Januari depan.

Manakala, PKPB bagi daerah Seremban di Negeri Sembilan, daerah Johor Bahru dan Batu Pahat di

Johor, Mukim 12 di daerah Barat Daya serta Mukim 13 di daerah Barat Laut, Pulau Pinang juga dilanjutkan bagi tempoh sama.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersetuju me-

namatkan PKPB di daerah Ipoh, Chemor dan Mukim Ulu Kinta di Perak, daerah Port Dickson di Negeri Sembilan serta daerah Kulai di Johor bermula semalam.

"PKPB ini dilanjutkan di (tiga) negeri dan (lima) kawasan berkenaan susulan kes (Covid-19) yang dicatatkan menunjukkan peningka-

tan dan jumlah yang tinggi. "Di Selangor kini semua daerah dikategorikan sebagai Zon Merah termasuk Sabak Bernam yang sebelum ini adalah Zon Hijau.

"Susulan itu, kerajaan memutuskan untuk melanjutkan PKPB di semua negeri dan kawasan (daerah) yang disebut selama 14 hari

bermula 1 Januari sehingga 14 Januari depan," katanya pada sidang media, semalam.

Ismail Sabri berkata, lima daerah yang ditamatkan PKPB menunjukkan trend penurunan dalam tempoh 14 hari iaitu dari 14 Disember hingga 27 Disember lalu.

"Kerajaan atas nasihat

KKM memutuskan untuk menamatkan PKPB di kawasan berkenaan bermula hari ini (semalam).

"Kita juga ingin menasihatkan kepada rakyat supaya tidak menyalahguna kelonggaran yang diberikan. Patuhilah prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Kes harian kekal empat digit, Selangor paling tinggi

PUTRAJAYA – Negara kekal melaporkan kes harian empat digit dengan 1,594 kes disumbangkan oleh 54 kluster setakat ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 106,690 kes.

Daripada jumlah tersebut, Selangor melaporkan kes harian tertinggi sebanyak 697 kes atau 43.7 peratus dengan 593 kes membabitkan kluster-kluster dan saringan kontrak rapat yang aktif dijalankan di lapangan.

Jumlah itu diikuti Kuala Lumpur sebanyak 194 kes dan Johor sebanyak 191 kes.

Sebanyak 108 kes pula berkaitan kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara.

Tiga kematian baharu dicatatkan semalam di Selangor dan Sabah membabitkan seorang wanita berusia 62 tahun dan dua lelaki berusia 90 dan 62 tahun menjadikan sebanyak 455 kes kematian Covid-19 di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lima kluster baharu




NOOR HISHAM

dilaporkan dan satu daripadanya ialah Kluster Tapak Bina Jalan Gadang juga kluster tempat kerja di Lembah Pantai dan Cheras dengan 13 kes positif hasil saringan bersasar di sebuah tapak binaan.

"Seterusnya Kluster Menara Sri juga kluster tempat kerja di Cheras, Kepong, Lembah Pantai dan Titiwangsa serta Kerian, Perak iaitu kes indeks ini saringan bergejala.

"Kluster lain ialah Kluster Bukit Pasir di Muar, Johor dan



Kluster Pintu Geng pula di Kota Bharu, Kelantan serta Kluster Putra 15 di Putrajaya," katanya pada sidang akhbar di sini se-

malam.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, beberapa kriteria termasuk kesesuaian tempat ting-

gal perlu diambil kira sekiranya kerajaan mahu melaksanakan proses kuarantin pesakit yang positif di rumah masing-masing.

"Jika ia dilaksanakan (kuarantin di rumah) ada beberapa kriteria perlu dilihat iaitu kesesuaian rumah, bilik dan bilik air.

"Kita juga perlu melihat kesiapsiagaan dan proses pemantauan pasukan kesihatan," ujarnya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai pelaksanaan proses kuarantin pesakit positif di rumah masing-masing.

Beliau berkata, bagi kes positif Covid-19 yang melibatkan pekerja pula, majikan perlu mempunyai penginapan yang bersesuaian untuk melaksanakan kuarantin tersebut sekali gus mengelakkan kesesakan di pusat kuarantin sebelum proses ini dilaksanakan.

Menurutnya, setakat ini, fasiliti kesihatan Kementerian dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) masih mampu menampung pesakit yang positif.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA



SEBANYAK 6,000 katil disediakan ekoran peningkatan kes Covid-19 sejak kebelakangan ini di PKRC MAEPS 2.0, Serdang.

MAEPS 2.0 tambah lebih 3,000 lagi katil

PUTRAJAYA – Kapasiti katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (PKRC MAEPS 2.0), Serdang ditambah daripada 3,032 buah kepada 6,132 buah katil pada masa ini.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Dr. Rohaizat Yon berkata, usaha itu sebagai salah satu langkah proaktif KKM bagi memastikan kesiapsiagaan hospital sentiasa berada di tahap optimum.

Katanya, bilangan katil akan terus dipertingkatkan sehingga 10,000 katil mengikut keperluan semasa.

"Peningkatan kapasiti katil PKRC MAEPS 2.0 melalui pembukaan dewan baharu ini diperlukan kerana pertambahan kes positif Covid-19 yang berterusan.

"Pengoperasian PKRC MAEPS 2.0 diletakkan di bawah kawalan

Ketua Komander Wilayah Tengah iaitu Pengarah Kesihatan Negeri Selangor," katanya menerusi kenyataan di laman Facebook semalam.

Mengulas lanjut katanya, kewujudan PKRC MAEPS 2.0 itu adalah hasil persetujuan sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan satu kolaborasi yang dipengerusikan bersama oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Rohaizat menjelaskan, agensi lain yang terbabit dalam usaha kolaborasi ini termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (JBPM).

"Agensi lain termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan MAEPS sendiri," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Kes harian terus catat empat angka

Jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan kini meningkat kepada 20,643 kes.

PUTRAJAYA

Kes baharu harian Covid-19 di Malaysia terus mencatatkan empat angka iaitu sebanyak 1,594 kes pada Isnin, sekali gus menyaksikan jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan kini meningkat kepada 20,643 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kes di Malaysia mencecah 106,690 kes, selain turut merekodkan tiga kematian baharu melibatkan

warganegara.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi sebanyak 697 kes, dengan 593 kes adalah daripada kluster sedia ada dan saringan kontrak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan," katanya pada sidang akhbar mengenai perkembangan Covid-19 di sini pada Isnin.

Mengenai tiga kematian baharu, katanya, dua kematian direkodkan di Selangor melibatkan wanita berusia 62 tahun yang mempunyai penyakit kencing manis dan obes serta seorang lelaki berumur 90 tahun dengan penyakit darah tinggi, dislipidemia dan gout.

"Satu lagi kematian berlaku di Sabah melibatkan lelaki berusia 62 yang mempunyai sejarah penyakit darah tinggi.

"Bilangan kes pulih hari ini pula adalah sebanyak 1,181 kes, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya kini sebanyak 85,592 kes," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti lima kluster baharu yang dilaporkan di Kuala Lumpur, Perak, Johor, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada Isnin dengan empat daripadanya melibatkan kluster tempat kerja.

Menurutnya, Kluster Tapak Bina Jalan Gadang iaitu kluster tempat kerja melibatkan daerah Lembah Pantai dan Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Kluster kedua ialah Kluster Menara Sri (kluster tempat kerja) melibatkan daerah Cheras, Kepong, Lembah Pantai dan Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta daerah Kerian di Perak.


"Kluster Bukit Pasir (kluster tempat kerja) melibatkan daerah Muar di Johor dan kluster keempat iaitu Kluster Pintu Geng pula dikesan di daerah Kota Bharu,



Kelantan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Putrajaya dengan lapan individu dikesan positif Covid-19 dalam kluster tersebut. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Pertimbang pesakit kuarantin di rumah

Pesakit Covid-19 tahap satu dan dua jalani kuarantin di rumah sekiranya keadaan memerlukan

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempertimbangkan untuk pesakit Covid-19 tahap satu dan dua menjalani kuarantin di rumah sekiranya keadaan memerlukan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagaimanapun jika ia dilaksanakan, terdapat kriteria yang perlu dipatuhi, antaranya kesesuaian rumah termasuk bilik air dan sebagainya.

"Pihak KKM juga akan melihat bagaimana petugas kesihatan dapat memantau pesakit di rumah. Kita lakukan penilaian kesihatan.

"Polisi pesakit dikuarantin di fasiliti kesihatan masih kekal.

"Dasar kita masih sama dengan pesakit yang akan dikuarantin di



DR NOOR HISHAM



KKM mempertimbang untuk pesakit Covid-19 tahap satu dan dua menjalani kuarantin di rumah sekiranya keadaan memerlukan.

hospital," katanya pada sidang akhbar di kementerian ini di sini pada Isnin.

Menurutnya, sekiranya berlaku peningkatan kes, KKM juga akan mempertimbangkan untuk menggunakan asrama majikan sebagai pusat kuarantin bagi pekerja tersebut.

Sementara itu, mengulas mengenai kapasiti katil di hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Lembah Klang, beliau berkata, 58 peratus daripada 11,493 telah digunakan.

"Kita masih ada kapasiti dari segi katil tetapi sedang mendepani isu logistik untuk memindahkan pesakit dari rumah ke hospital.

"Perkara itu terjadi susulan peningkatan kes sejak akhir-akhir ini.

"Nasihat kita kepada individu yang sedang menunggu untuk dihantar ke hospital adalah kekal berada di rumah dan pastikan pengasingan, selain memakai pelitup muka dan tidak bergaul dengan yang lain.

"Bersabarlah dan sentiasa berhubung dengan pusat kesihatan daerah," kata beliau.

Terdahulu, sebuah portal memetik Noor Hisham sebagai berkata, individu yang disahkan positif Covid-19 mungkin terpaksa menjalani kuarantin di rumah terlebih dahulu berikutan pihaknya sedang berdepan dengan bilangan kes yang tinggi selain isu logistik.

KKM tambah 3,032 katil untuk pesakit Covid-19 di MAEPS

PUTRAJAYA - Selepas kadar kebolehterapan Covid-19 melebihi 20,000 kes, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempertingkatkan keupayaan dengan menambah sebanyak 3,032 katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan), Datuk Dr Ro-haizat Yon berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah katil di PKRC adalah sebanyak 6,132 buah katil.

"Pembukaan dewan baharu di MAEPS itu susulan peningkatan kes Covid-19 yang berterusan," katanya menerusi ciapan di Twitter



Kerja-kerja menempatkan katil pesakit Covid-19 di PKRC MAEPS, Serdang giat dilakukan.

KKM pada Isnin.

Menurutnya, kapasiti katil akan terus ditingkatkan sehingga 10,000 buah katil mengikut keperluan semasa.

PKRC MAEPS 2.0 dibuka semula pada 9 Disember lalu untuk menempatkan pesakit warga asing tahap satu dan dua.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : MAHKAMAH & JENAYAH

Ubat gemuk RM14 juta dirampas

Dua beradik, suami isteri ditahan bersama ubat tradisional tidak berdaftar

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Polis Pulau Pinang menumpaskan sindiket memproses ubat-ubatan tidak berdaftar selepas menahan dua beradik lelaki dan sepasang suami isteri serta merampas pelbagai jenis ubat bernilai RM14 juta dalam dua serbuan di Bukit Mertajam dan Butterworth pada Khamis.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Sahabudin Abd Manan berkata, kesemua mereka ditahan dalam operasi khas melibatkan Jabatan Siasatan Jenayah Narko-



Sahabudin (kiri) dan Arnie (tengah) menunjukkan ubat tidak berdaftar yang dirampas pada sidang akhbar di IPK Pulau Pinang pada Isnin.

tik (JSJN) Pulau Pinang, Jabatan Kesihatan Pulau Pinang (JKN-PP) dan Jabatan Kimia Malaysia (JKM) Pulau Pinang.

Menurutnya, serbuan pertama dilakukan di sebuah kilang di Taman Perindustrian Machang Indah, Bukit Mertajam pada jam

10 pagi.

"Dalam serbuan itu, polis menahan tiga individu tempatan iaitu seorang lelaki berusia 48 tahun dan sepasang suami isteri berusia 44 dan 48 tahun. Pemeriksaan mendapati kilang itu memproses pil serta ubat-ubatan

yang tidak berdaftar.

"Pihak JKNPP telah merampas 22 jenis ubat tidak berdaftar yang bernilai RM2 juta. Susulan daripada itu, kita menyerbu sebuah lagi kedai di Taman Kenana, Butterworth dan seorang lagi lelaki berusia 50 tahun iaitu abang kepada suspek pertama ditahan," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang pada Isnin.

Sahabudin berkata, hasil pemeriksaan di premis itu, JKNPP merampas sebanyak 156,777 botol pelbagai jenama ubat-ubatan tidak berdaftar bernilai RM12 juta.

"Kedua-dua premis (kilang dan kedai) itu merupakan tempat sindiket tersebut menjalankan kegiatan memproses ubat-ubatan tidak berdaftar sejak awal tahun ini. Pasaran mereka adalah di seluruh negara serta luar negara.

"Suspek pertama adalah penyewa kilang dan mempunyai

lima rekod lampau berkaitan jenayah serta dadah. Sementara pasangan suami isteri pula adalah pekerja di kilang tersebut manakala suspek ketiga mempunyai satu rekod lampau," katanya.

Sementara itu, Ketua Cawangan Penguatkuasaan Farmasi JKNPP, Arnie Fadzilah berkata, siasatan awal pihaknya mendapati ubat-ubatan tidak berdaftar itu dipercayai untuk menaikkan berat badan dan dijual di kedai-kedai ubat Cina di seluruh negara melalui platform e-dagang untuk pasaran di Vietnam.

"Pemeriksaan juga mendapati kilang tersebut tidak mempunyai lesen dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan tidak berdaftar untuk memproses ubat-ubatan.

"Semua ubat itu sangat berbahaya kerana mampu merosakkan buah pinggang berikutan mengandungi bahan tidak terkawal seperti steroid," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Covid-19: Selangor terus tertinggi, 5 kluster baharu

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**
 utusamnews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Selangor kekal menjadi negeri paling tinggi merekodkan kes harian baharu Covid-19 iaitu 697 kes. Ini diikuti dengan Kuala Lumpur (194 kes), Johor (191 kes) dan Sabah dengan 157 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes harian di empat negeri itu adalah sebahagian besar daripada 1,594 kes yang direkodkan semalam, menjadikan jumlah kes positif di Malaysia sebanyak 106,690 kes dengan tambahan lima kluster baharu.

Beliau berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan pula adalah 20,643 kes dengan 116 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana 53 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, tiga kematian direkodkan membabitkan dua lelaki dan satu wanita berusia antara 62 dan 90 tahun dengan kesemua mangsa warganegara mempunyai latar belakang pelbagai penyakit.

"Bagi kes sembuh pula, sebanyak 1,181 kes direkodkan dan ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya adalah sebanyak 85,592 kes.

"Sebanyak 214 kluster aktif

dipantau dan daripada jumlah itu, sebanyak 54 kluster melaporkan pertambahan kes.

"Kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Hentian (261 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (42 kes) dan Kluster Ceram (40 kes)," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.

Mengulas mengenai lima kluster baharu, Noor Hisham berkata, ia berkaitan tempat kerja iaitu Kluster Tapak Bina Jalan Gadang iaitu sebuah tapak binaan membabitkan Lembah Pantai dan Cheras, Kuala Lumpur dengan seramai 375 individu disaring dan 13 kes positif dicatatkan.

Katanya, Kluster Menara Sri membabitkan Cheras, Kepong, Lembah Pantai dan Titiwangsa, Kuala Lumpur serta Kerian, Perak dengan seramai 51 individu disaring dan 14 kes positif.

"Kluster Bukit Pasir di Muar, Johor pula melibatkan 14 individu disaring dan sembilan kes positif manakala Kluster Putra 15 di Putrajaya, seramai 31 individu disaring, di mana lapan kes positif.

"Kluster Pintu Geng pula adalah kes melalui saringan individu bergejala di Kota Bharu, Kelantan, seramai 130 individu disaring, di mana 21 kes dikesan positif," katanya.



SEORANG kakitangan Penjara Jelebu memasang kawat duri di pintu utama Institut Pemulihan Dadah Jabatan Penjara Malaysia Cawangan Jelebu, Negeri Sembilan yang diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat, bermula semalam. - UTUSAN/ MUHAMMAD IZZAT TERMIZIE

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

LOGISTICS ISSUES

Health Ministry mulling home quarantine for asymptomatic, low-risk patients

PUTRAJAYA: The Health Ministry (MoH) is mulling the possibility of implementing home quarantine for Covid-19 patients with mild symptoms.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said several criteria needed to be considered when making the decision.

"We have to look at the suitability of the house like the location of the room and toilet. Secondly, we have to look at the health assessment tool and whether the health-care staff is able to monitor the patient's condition."

Dr Noor Hisham, in a news report by an online portal on Sunday, advised those who had tested

positive for Covid-19 but were asymptomatic to be isolated at home. This, he said, was due to the high number of cases and logistics issues which had caused delays in transporting patients to hospitals.

He said a total of 1,594 new daily Covid-19 infections and three fatalities were recorded yesterday, with Selangor continuing to record the highest number of new daily cases.

He said that at the moment, Malaysia had 20,643 active Covid-19 cases. The country's total number of confirmed cases stood at 106,690.

He said 1,181 Covid-19 patients had recovered up to yesterday, taking the tally to 85,592.

"Of the new daily cases, three were imported while the remaining 1,591 people were infected locally. To date, there are 116 positive Covid-19 cases that are being treated in the intensive care unit, with 53 of them requiring breathing assistance.

"I regret to inform that there are three more Covid-19-related deaths reported today (Monday), bringing the total number of deaths in Malaysia to 455 cases."

Dr Noor Hisham added that five new Covid-19 clusters were detected yesterday, with two clusters in Kuala Lumpur while Johor, Kelantan and Putrajaya had one cluster each.

The latest clusters, he said,

brought the total number of clusters reported in Malaysia to 489, of which 214 are currently active while the remaining 275 had ended, including the four clusters that ceased yesterday.

The two new clusters in Kuala Lumpur are the Jalan Gadang construction site cluster, which involved the Lembah Pantai and Cheras districts, as well as the Menara Sri cluster which involved Cheras, Kepong, Lembah Pantai and Titiwangsa districts plus Serian in Perak.

"For the Jalan Gadang cluster, up to Dec 28, 375 people had been screened and 13 of them tested positive for Covid-19. For the Menara Sri cluster, up to today

(yesterday), 51 people had been screened and 14 of them tested positive for Covid-19," Dr Noor Hisham said in a press conference here yesterday.

The third cluster, detected in Muar, Johor, was called the Bukit Pasir cluster and according to Dr Noor Hisham, of the 14 people screened for Covid-19, nine were tested positive for the virus.

He said 130 people from the Pintu Geng cluster in Kota Baru, Kelantan went through Covid-19 screening and 21 tested positive.

Another new cluster, the Putra 15 cluster in Putrajaya, recorded eight new Covid-19 positive cases after 31 people went through the screening, he added.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Hospital bed capacity for Covid-19 patients in S'gor now at 59%

By JUSTIN ZACK
justin@thestar.com.my

PETALING JAYA: Although beds are still available for Covid-19 patients at hospitals, there have been delays in transferring patients in the Klang Valley, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"The delays are due to the rise in positive cases. It might take a day or two or even longer because of the increased workload. This is mainly in the Klang Valley," said the Health director-general.

He urged patients to remain calm

and self-isolate at home for now.

"Try to isolate yourself from your family members and keep in contact with your district health departments. Stay at home until we come to send you to the hospital," he said.

The Health Ministry said Hospital Sungai Buloh has 513 Covid-19 patients with bed usage at 81%, while Hospital Kuala Lumpur's bed usage is at 52% with 339 patients.

The current capacity of beds for Covid-19 patients in Selangor is still at 59%.

The ministry is mulling several options to address the situation.

"We are considering the possibility of home quarantine, but there are certain criteria we have to look at, including the suitability of the home and the health assessment tools needed for our officers to monitor patients," Dr Noor Hisham said.

He said they were also looking at using workers dorms as quarantine areas, like what was done for the Teratai cluster.

This, he added, could reduce the congestion at the Low-Risk Covid-19 Quarantine and Treatment Centre at the Malaysia Agro Exposition

Park Serdang (MAEPS).

"However, currently our policy remains the same," he said.

At present, the Health Ministry has around 120 screening hospitals and 50 treatment hospitals.

Meanwhile, all nine districts in Selangor have become Covid-19 red zones. Hulu Selangor, Kuala Selangor and Sabak Bernam, were previously green zones.

Dr Noor Hisham said protecting green states such as Sarawak was imperative to break the chain of infection.

Yesterday, an additional 1,594

Covid-19 cases were recorded, with 1,181 recoveries.

Three deaths were also recorded. Five new clusters, four of which were linked to workplace, had also been identified.

The Jalan Gadang construction site cluster has been linked to the Lembah Pantai and Cheras districts in Kuala Lumpur.

The Menara Sri cluster also involved the same districts besides Kepong and Titiwangsa.

In Muar, Johor, the Bukit Pasir cluster was also identified to be from a workplace.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEW WITHOUT BORDERS

CMCO extended for several areas in various states

PETALING JAYA: The conditional movement control order (CMCO) for Kuala Lumpur, Selangor, Sabah and several localities in other states has been extended by another two weeks until Jan 14.

Senior Minister (Security) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the government decided on this after advice and risk assessment from the Health Ministry (MoH), based on the trend and increase in cases in these areas and the emergence of new clusters in Kuala Lumpur.

The CMCO in these three states and several localities in other states had been scheduled to end on Thursday.

For Selangor, the CMCO will cover the whole state including Sabak Bernam, Hulu Selangor and Kuala Selangor, which were previously placed under the recovery movement control order.

For other states, the CMCO was extended for Southwest Mukim 12 and Northeast Mukim 13 in Penang, Seremban (Negri Sembilan), and Johor Baru and Batu Pahat (Johor).

Speaking at a press conference yesterday, Ismail Sabri said the government had also decided to end the CMCO in several localities yesterday instead of Thursday, as scheduled earlier, following a drop in cases in these places.

The localities included Ipoh and Chemor (Perak), Port Dickson (Negri Sembilan) and Kulai (Johor).

Meanwhile, the number of Covid-19 infections in the last 24 hours remained at four digits after 1,594 new cases were reported yesterday, with three deaths recorded involving locals.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country's infection tally now stood at 106,690, with the number of active cases at 20,643.

"Selangor recorded the highest number of daily cases at 697, with 593 being from existing clusters and through close contact screenings."

Noor Hisham said of the new cases reported, only three were imported while the remaining 1,591 were through local transmissions.

On the three deaths yesterday, two were in Selangor, with one a 62-year-old woman while the second was a 90-year-old man. Another death was reported in Sabah, involving a 62-year-old man.